PROGRAM SABAT KANAK-KANAK 2024

Pengenalan – Pemimpin Pelayanan Kanak-Kanak

Doa Pembuka – Sukarela (kanak-kanak)

Alu-aluan – Pemimpin PKK

Ayat Alkitab – Para peserta kanak-kanak

Lagu Pembuka – Lagu 1: *Always With Me*

Bahagian 1: Sekiranya Kasih Tuhan Adalah Warna

Pemimpin Pelayanan Kanak-Kanak & 6 orang kanak-kanak, setiap seorang memegang satu warna pelangi (kanak-kanak yang ke-6 memegang dua warna pelangi)

Lagu 2: *Forgiveness*

Bahagian 2: Aktiviti Berdoa - Refleksi

Pembicara kanak-kanak 1

Lagu 3: *Valued*

Bahagian 3: Kasih Agape

Pembicara kanak-kanak 2 & 15 orang wakil keluarga untuk melekatkan kertas merah berbentuk hati

Bahagian 4: Yang Terbesar Adalah Kasih

Pembicara kanak-kanak 3

Lagu 4: *Give Me Love*

Bahagian 5: Kasihi Satu Sama Lain

Pembicara kanak-kanak 4

Lagu 5: *Love One Another*

Closing: Pemimpin Pelayanan Kanak-Kanak

Nota: Lagu-lagu yang dicadangkan dalam progam di atas adalah dari kit VBS Thunder Island dan boleh diperolehi dari www.adventistvbs.org. Para pemimpin boleh memilih lagu-lagu lain yang sesuai dalam Bahasa Malaysia atau dalam Bahasa Inggeris.

Acara Kebaktian

PENGENALAN (Pemimpin Pelayanan Kanak-kanak)

Selamat pagi semua! Selamat datang ke Sabat kanak-kanak. Kami sangat teruja kerana anda akan menyertai kami dalam suatu kebaktian yang unik dan menarik di mana kita mendengar, melihat dan melakukan bersama-sama. Pada hari ini kita meraikan anggota-anggota termuda dalam jemaat kita. Setiap seorang daripada peserta kita telah berlatih bersungguh-sungguh semasa persiapan. Mereka sangat teruja untuk memuliakan Tuhan dengan talenta-talenta mereka dan mengongsikannya dengan anda. Sementara kita memulakan pelayanan kita, marilah kita sama-sama mengingati bagaimana Yesus memberkati anak-anak kecil di dalam Matius 18:3-5. Yesus pun berkata, "Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, kecuali kamu menjadi seperti kanak-kanak kecil, kamu tidak akan masuk ke dalam kerajaan syurga. Oleh itu, orang yang dianggap terbesar dalam kerajaan syurga ialah yang merendah diri dan bersikap seperti kanak-kanak. Sesiapa yang menyambut seorang kanak-kanak seprti ini kerana nama-Ku, menyambut-Ku." Kanak-kanak adalah contoh kita tentang apakah ertinya untuk mendekati takhta Tuhan dengan sukacita, semangat dan ikhlas. Dengan fikiran sedemikian, kami mengundang anda untuk masuk ke dalam acara kebaktian dengan rasa kagum seperi seorang kanak-kanak. Kita akan menerokai betapa dalam, luas dan besarnya kasih Kristus. Mari kita berdoa.

DOA PEMBUKA (Seorang kanak-kanak secara sukarela)

Nota: anda boleh memilih untuk meminta kanak-kanak itu menulis doanya, atau anda boleh menggunakan contoh doa di bawah.

Bapa di syurga,
Kami berada di hadirat-Mu pada hari ini dengan hati dan fikiran yang terbuka, sedia untuk menyembah dan memuji nama-Mu. Kami mohon supaya Engkau memberkati kebaktian ini supaya kami dapat diangkat dan diilhamkan oleh hadirat-Mu. Penuhi kami dengan pengharapan dan kasih karunia-Mu dan bantu kami untuk memuliakan Engkau di dalam apa pun yang kami lakukan. Biarlah kebaktian kami ini menyenangkan Engkau, dan kami mendengarkan suara-Mu serta mengetahui lebih baik lagi akan kasih-Mu. Kami persembahkan doa ini di dalam nama Anak-Mu, Yesus Kristus. Amen.

YESUS MENGASIHIKU!

ALU-ALUAN (Pemimpin PKK)

Tema kita pada hari ini adalah AGAPE, kasih Tuhan sentiasa bersama kita! Bagi menghormati tema kita, kita akan menyapa satu sama lain dengan hati! (buat bentuk hati dengan tangan). Apabila saya mengatakan "Yesus mengasihi saya!"anda akan memberi respons dengan mengatakan SELALU! Dan buat bentuk hati dengan tangan anda. Adakah anda bersedia? Mari kita mulakan! Yesus mengasihiku…SELALU (lakukan ini beberapa kali dengan penuh semangat)

Kasih Tuhan bukan sahaja untuk diri kita, tetapi untuk disebarkan kepada orang lain, jadi marilah kita menyebarkannya. Buat bentuk hati separuh dengan satu tangan (tunjukkan), cari orang lain untuk bergabung dan lengkapkan bentuk hati! (tunjukkan). Salah seorang daripada anda akan mengatakan YESUS MENGASIHIMU! Dan yang seorang lagi akan mengatakan SELALU! (tunjukkan). Sedia, mari mulakan! Cari seorang rakan dan saling menyapa dengan menghubungkan tangan kamu membentuk hati. Bagus! Cari rakan lain dan lakukannya sekali lagi! (ulang beberapa kali).

YESUS MENGASIHIMU JUGA!

Bagus semua! Yesus mengasihiku dan Yesus mengasihimu mungkin kata-kata yang mudah, tetapi ia SANGAT penting. Dunia di sekeliling kita akan selalu membuatkan kita lupa bagaimana rasanya dikasihi Tuhan. Tetapi kita harus mengingatkan satu sama lain, setiap hari. Dengan melakukannya, kita membangunkan satu sama lain dan mata serta jiwa kita akan berbalik kepada Tuhan. Sebab itulah kita mendorong satu sama lain dengan ayat ini. Ayat Alkitab kita hari ini menggambarkan idea yang sama. Kumpulan/Tim ayat hafalan sila tampil dan kongsikan ayat Alkitab. Mereka akan membaca ayat tersebut, kemudian para jemaat akan turut serta membacakan ayat tersebut bersama-sama.

AYAT ALKITAB (peserta kanak-kanak: tanpa had)

Nota: anda boleh mengundang seberapa banyak kanak-kanak untuk turut serta membacakan ayat hafalan. Mereka seharusnya sudah biasa dengan ayat tersebut daripada Thunder Island VBS. Minta mereka untuk membacakan ayat itu sekali, kemudian pimpin jemaat dengan gerakan tangan dan ayat. Anda juga boleh memaparkan ayat di skrin dengan panduan gerakan di dalam kurungan seperti di bawah supaya mudah diikuti. Lakukannya beberapa kali dengan jemaat.

“Inilah perintah baru yang Kuberikan kepadamu. (buka buku)
Kasihilah satu sama lain. (bentuk hati)
Sebagaimana Aku telah mengasihimu, (tunjuk diri)
Kasihilah sesama sendiri (tunjuk keluar)
Daripada sikapmu yang saling mengasihi itu, (beri ‘high five’)
Semua orang (bulatan besar)
Akan tahu bahawa kamu murid-Ku. (tunjuk kepala)
Yohanes 13:34, 35

(Pemimpin PKK)

Kasih yang telah diuji dan yang sejati! Itulah kasih yang diterangkan di dalam ayat ini. Perkataan kasih yang digunakan di sini adalah AGAPE. AGAPE adalah kasih Tuhan yang istimewa. Ia tidak dapat digoncangkan, tidak dapat digoyahkan, tanpa syarat dan tidak berubah. Yesus adalah contoh utama kasih ini. Dengan mengenali-Nya, kita boleh mengalami kasih Tuhan di dalam pelbagai cara. Adalah suatu sukacita untuk memahami sepenuhnya bahawa kasih Yesus selalu bersama dengan kita.

Lagu Pembuka

LAGU 1: ALWAYS WITH ME (Thunder Island Music and VBS Video. Diperolehi daripada adventistvbs.org)

Nota: Ada tiga pilihan untuk bahagian lagu pembuka. Setiap pilihan menggunakan lagu tema VBS. Pilihan 1 menggunakan video muzik yang dipimpin oleh kumpulan Puji-Pujian anda. Pilihan kedua akan menggunakan video muzik yang dipimpin oleh kanak-kanak daripada VBS. Pilihan 3; undang kumpulan muzik di gereja anda untuk menggunakan lembaran muzik untuk piano dan gitar sementara kanak-kanak menyanyi.

PILIHAN 1: Kumpulan Puji-Pujian: mainkan lagu tema muzik dan video daripada Thunder Island VBS kit. Gunakan kumpulan puji-pujian anda untuk memimpin.
PILIHAN 2: Mainkan muzik video dan kanak-kanak dalam video memimpin lagu.
PILIHAN 3: Kumpulan muzik gereja bermain piano dan/atau gitar semantara kanak-kanak bernyanyi.

BAHAGIAN 1: SEKIRANYA KASIH TUHAN ADALAH WARNA (Pemimpin PKK & 6 peserta kanak-kanak)

Nota: beberapa pilihan untuk memperkenalkan skit ini, pemimpin VBS/Pelayanan Kanak-Kanak boleh menggunakan CD dan memantulkan cahaya pelangi. Atau, anda boleh menggunakan prisma. Anda juga boleh mencetak gambar pelangi atau menunjukkannya pada skrin.

Sebagai persediaan untuk bahagian ini, cetak atau tuliskan skrip untuk setiap warna di bahagian belakang kertas berwarna tersebut. Ini untuk membantu kanak-kanak membaca sekiranya mereka tidak boleh menghafal bahagian mereka. Mereka akan berdiri mengikut susunan warna pelangi apabila diminta. (merah, jingga, kuning, hijau, biru, indigo & ungu)

(Pemimpin PKK)
Apabila saya memikirkan tentang kasih AGAPE, saya selalu memikirkan pelangi! Tahukah anda apa yang membentuk pelangi itu? Benar! Ia dibentuk daripada cahaya. Apabila cahaya putih bergerak melalui titisan hujan, titisan hujan itu akan bertindak seperti prisma kecil. Air akan membengkokkan dan memantulkan cahaya putih itu dan memisahkannya kepada beberapa warna yang berbeza-beza. Cahaya bergerak dalam gelombang dan setiap gelombang warna adalah berbeza. Warna pelangi selalu muncul dalam susunan yang sama iaitu dari gelombang yang panjang ke gelombang yang pendek. *(minta para peserta untuk berbaris mengikut susunan warna pelangi)* Demikianlah cara kita mendapatkan warna kesukaan kita (minta setiap kanak-kanakk-kanak-kanak untuk mengangkat warna mereka. T*anya jemaat apakah warna-warna itu* - merah, jingga, kuning, hijau, biru, indigo dan ungu). Pelangi adalah satu spektrum yang indah yang datang daripada sumber cahaya yang sama. Tuhan menjadikan pelangi sebagai satu janji yang istimewa di dalam Alkitab. Ia muncul buat pertama kali di dalam kisah Nuh dalam Kejadian 9:12-17.

[12]Allah pun berfirman, "Inilah tanda perjanjian yang Kuadakan antara Aku dengan kamu dan dengan segala makhluk hidup yang ada bersama-samamu, turun-temurun, untuk selama-lamanya: [13]Akan Kuwujudkan pelangi di awang-awangan, dan itulah yang menjadi tanda jaminan bagi perjanjian antara Aku dengan bumi. [14]Apabila Aku mengadakan awan yang berarak di muka bumi dan pelangi terlihat di awang-awangan, [15]maka Aku akan mengingati perjanjian-Ku antara Aku dengan kamu dan dengan segala jenis makhluk yang bernyawa. Tidak akan berlaku lagi kejadian air menjadi banjir demi memusnahkan segala hidupan. [16]Apabila muncul pelangi di awang-awangan, maka Aku akan melihatnya dan mengingati perjanjian abadi antara Allah dengan segala jenis hidupan yang ada di bumi." [17]Kemudian Allah berfirman kepada Nuh, "Inilah jaminan bagi perjanjian yang Aku sahkan antara Aku dengan segala hidupan yang ada di bumi."

"Ketika Tuhan membiarkan banjir terjadi di bumi, Dia menuntun Nuh dan memeliharanya sepanjang perjalanan tanpa kepastian itu. Tuhan menjaga kita setiap hari. Kita boleh datang kepada-Nya apabila kita bersedih, atau merasa takut, atau tidak pasti tentang apa yang harus dilakukan. Dia akan membantu kita menemukan jawaban yang kita perlukan. Dia melakukan semua ini kerana Dia mengasihi kita! Sama seperti pelangi yang mempunyai banyak warna, kasih AGAPE Tuhan adalah suatu spektrum yang indah dan boleh dilihat di dalam pelbagai cara. Mari kita lihat apakah erti setiap warna yang mengingatkan kita tentang kasih Tuhan:

Kanak-kanak akan memberitahu erti setiap warna yang mereka pegang mengikut susunan warna pelangi

M – Merah adalah warna jantung yang mengepam darah ke seluruh tubuh kita dan membantu memberikan kehidupan kepada kita. Kita memerlukan jantung untuk hidup. Ini boleh mengingatkan kita bagaimana kasih Yesus memberikan hidup kepada kita dan bagaiman Dia mengorbankan diri-Nya dengan darah-Nya untuk memberikan kepada kita suatu pemberian kasih karunia dan pengampunan.

J – Jingga adalah warna matahari yang terbit pada setiap permulaan hari. Ini boleh mengingatkan kita bagaimana hari bersama kasih Tuhan adalah hari yang baru! Dan bagaimana kita boleh memulakan hari kita dengan merasa yakin bahawa Yesus mengasihi kita.

K – Kuning adalah warna matahari yang menghangatkan kita dengan cahayanya yang terang. Ini boleh mengingatkan kita bahawa kasih Yesus memberi kita harapan dan menghangatkan hati kita. Sama seperti cahaya menghapuskan gelap, kasih Yesus boleh menjadi cahaya yang akan membimbing kita.

H – Hijau adalah warna rumput dan daun-daun di pokok. Ini boleh mengingatkan kita bahawa kasih Yesus membantu kita untuk bertumbuh. Apabila kita mengenal Yesus, kita mula ingin mengikuti ajaran-ajaran-Nya, dan kita mahu bertumbuh menjadi lebih seperti-Nya.

B – Biru adalah warna laut dan sungai, serta air di dalamnya yang membersihkan dan menyucikan. Ini membantu kita untuk mengingati bagaimana kasih Tuhan membersihkan kita, dan apabila kita meminta, Tuhan selalu setia untuk mengampuni kita.

I & U – Indigo dan ungu adalah warna diraja. Yesus sangat mengasihi kita sehinggakan Dia berjanji untuk datang semula untuk membawa kita ke syurga. Di syurga, kita akan diberikan jubah dan mahkota, tetapi yang lebih mengujakan, kita akan dapat bersama-sama dengan Yesus Raja.

(Pemimpin PKK)
Adakah anda ingat pelangi itu terbentuk daripada apa? Benar! Pelangi datang daripada cahaya! Alkitab mengatakan kepada kita di dalam Yohanes 8:12 bahawa Yesus berkata lagi kepada mereka, "Akulah cahaya dunia. Orang yang mengikut-Ku tidak akan berjalan dalam kegelapan tetapi akan mempunyai cahaya hidup." Yesus adalah cahaya yang sedia untuk mengisi hati kita dengan sinar kasih-Nya dan mengalu-alukan kita ke dalam keluarga-Nya. Tuhan memberikan janji pelangi tentang banjir kepada Nuh dan Dia memberikan janji pelangi kepada kita melalui Yesus – bahawa Dia akan selalu mengampuni dosa-dosa kita dan akan mengasihi kita di dalam apa pun. Setiap kita berdosa. Kita tidak selalu mengikut Tuhan dan melakukan apa yang benar. Tetapi apa yang harus kita lakukan adalah membuka hati kita kepada Yesus dan meminta pertolongan-Nya untuk menjadi lebih baik. *(serahkan kertas mewarna pelangi)* Kita akan memberikan kertas mewarna pelangi kepada anda pada hari ini untuk dibawa pulang, atau anda boleh mewarnakannya semasa kebaktian. Sementara anda melakukannya, ingatlah akan pelbagai cara Tuhan mengasihi anda, dan betapa indahnya kasih-Nya daripada warna-warna pelangi.

LAGU 2: FORGIVENESS

BAHAGIAN 2: Aktiviti Berdoa: Refleksi (Pembicara kanak-kanak 1)

Nota: anda mungkin perlu membeli atau meminjam cermin tangan untuk bahagian ini. Anda juga akan memerlukan marker untuk digunakan bersama-sama dengan cermin. Jumlah cermin dan marker bergantung kepada saiz jemaat anda. Mereka akan saling bertukar-tukar cermin. Sediakan secukupnya supaya setiap anggota akan menerima cermin sebanyak sekurang-kurangnya dua kali.

(pembicara kanak-kanak 1 memegang cermin di hadapan jemaat) apabila anda melihat di cermin, apakah yang anda lihat? (terbalikkan cerman kearah diri) Saya menggunakan cermin setiap pagi ketika saya bersedia untuk ke gereja atau ke sekolah. Ia membantu saya melihat diri saya dengan lebih jelas. Saya boleh mengemaskan rambut saya, memberus gigi atau mengesat kotoran. Cermin ini memantulkan imej saya. Tetapi apabila saya melihat pantulan diri saya, saya boleh melihat lebih dari sekadar wajah saya. Saya boleh melihat seseorang yang dikasihi oleh Yesus. Imej diri berdasarkan nilai yang Tuhan berikan kepada kita jauh melebihi apa yang kita lihat di cermin.

Pada hari ini semasa berdoa, kita akan diingatkan tentang bagaimana Tuhan melihat diri kita. (edarkan cermin tangan dan marker). Kita ada cermin yang akan bertukar-tukar tangan sebentar nanti. Apabila anda mendapat cermin tersebut, tuliskan satu perkataan

positif pada cermin itu (tunjukkan). Saya akan menuliskan perkataan "baik." *(Nota: setiap orang akan menulis sekali sahaja di atas cermin).* Sekarang saya memegang cermin yang mempunyai perkataan ini, saya akan memegangnya dan berdoa pendek. 'Tuhan, terima kasih kerna menjadikan saya baik dan menghargai saya seadanya!' Setelah saya selesai berdoa, saya akan membiarkan perkataan itu pada cermin ini dan memberikannya kepada orang seterusnya. Saya juga akan menerima cermin yang baru dengan perkataan positif yang baru dari orang lain. Kita akan mengundang kumpulan puji-pujian untuk menyanyikan lagu seterusnya. Sementara cermin bertukar-tukar, anda boleh bernyanyi bersama. Apabila anda menerima cermin, ambil sedikit waktu untuk merenungkan bagaimana Tuhan melihat anda dan ingat bahawa Tuhan benar-benar mengasihi dan menghargai anda.

LAGU 3: VALUED

Setiap kali anda dan saya melihat cermin, kita boleh mengingat bahawa Tuhan mengasihi kita seadanya. Bukan kerana apa yang kita lakukan bagi-Nya, atau betapa baik kelakuan kita. Kita sudah dihargai oleh Tuhan kerana Dia mengasihi kita. Itu adalah kasih AGAPE di dalam tindakan. Dan kasih seperti itulah yang akan selalu bersama kita (Berdoa)

BAHAGIAN 3: KASIH AGAPE (Pembicara kanak-kanak 2)

Nota: Sebagai persediaan untuk khutbah ini, edarkan kertas berbentuk hati kepada kepada setiap keluarga lebih awal. Tuliskan satu perkataan atau frasa di bahagian depan hati itu dan ayat 'sila bawa hati anda ke mimbar apabila perkataan atau frasa di bahagian depan hati anda dipanggil' di belakang hati itu. Anda harus menyediakan ruang untuk melekatkan hati-hati itu di atas mimbar.

Tahukah anda, di dalam Alkitab terdapat pelbagai perkataan yang digunakan untuk kasih? Setiap perkataan ini mempunyai maksud yang berbeza. Salah satu perkataan itu adalah EROS- bolehkah anda mengatakannya bersama-sama dengan saya? EROS adalah suatu bentuk kasih yang anda baca di dalam kisah-kisah cinta. Yang kedua adalah PHILOS- yang juga dikenali sebagai kasih persaudaraan atau persahabatan. Kedua-dua perkataan untuk kasih ini mempunyai focus yang berbeza di dalam perhubungan. Satu dengan suami atau isteri, dan yang satu lagi dengan sahabat dan keluarga anda. Kedua-duanya kasih ini adalah baik.

Tetapi ada perkataan KETIGA untuk kasih di dalam Alkitab yang paling menonjol di antara dua perkataan tadi. Anda sudah mendengarkannya beberapa kali hari ini. Adakah anda ingat apakah ia? Benar, ia adalah AGAPE!

Kasih AGAPE berbeza kerana ia bukanlah berdasarkan kepada perasaan, tindakan atau situasi apa pun. Ini adalah kasih tanpa syarat dan tidak mengharapkan sebarang balasan. Ia adalah perkataan yang digunakan untuk menggambarkan betapa Tuhan mengasihi setiap satu kita dan bagaimana Dia mahu kita mengasihi satu sama lain.

Bagaimanakah kasih ini kelihatan? Kita boleh menemukannya dengan lebih jelas di dalam 1 Korintus 13. Ada beberapa di antara anda yang menerima kertas berbentuk hati. Di hadapan kertas itu tertulis perkataan dari Alkitab. Apabila anda mendengarkan perkataan atau frasa di kertas anda dipanggil, maju ke depan dan lekatkan hati anda di sini *(tunjukkan ruangan yang*

disediakan untuk melekatkan kertas itu. Ia boleh jadi dinding, mimbar, papan tulis, dsb. Ia harus mudah dilihat oleh semua jemaat)

(Berhenti sejenak setiap kali satu perkataan disebut untuk memberikan masa mereka melekatkan hati mereka.)

Alkitab memberitahu kita di dalam 1 Korintus 13 (AVB) bahawa kasih AGAPE adalah:
PENYABAR (sukarela melekatkan kertas hati)
Kasih Agape PENYAYANG (sukarela melekatkan kertas hati)
Kasih Agape TIDAK IRI HATI (sukarela melekatkan kertas hati)
Kasih Agape TIDAK MEMBANGGAKAN DIRI (sukarela melekatkan kertas hati)
Kasih Agape TIDAK ANGKUH (sukarela melekatkan kertas hati)
Kasih TIDAK BERKELAKUAN BIADAP (sukarela melekatkan kertas hati)
TIDAK MEMBURU KEPENTINGAN SENDIRI (sukarela melekatkan kertas hati)
TIDAK CEPAT MERADANG (sukarela melekatkan kertas hati)
TIDAK MEMPERHITUNGKAN KESALAHAN ORANG LAIN (sukarela melekatkan kertas hati)
Kasih TIDAK GEMBIRA DENGAN KEJAHATAN (sukarela melekatkan kertas hati)
Tetapi GEMBIRA MERAIKAN KEBENARAN (sukarela melekatkan kertas hati)
Kasih TAHAN MENDERITA SEGALA-GALANYA (sukarela melekatkan kertas hati)
PERCAYA AKAN SEGALA-GALANYA (sukarela melekatkan kertas hati)
BERHARAP AKAN SEGALA-GALANYA (sukarela melekatkan kertas hati)
TERUS-MENERUS MENGANGGUNG SEGALA-GALANYA (sukarela melekatkan kertas hati)

BAHAGIAN 4: YANG TERBESAR ADALAH KASIH (Pembicara kanak-kanak 3)

Wow! Lihat semua hati-hati ini, dan betapa banyak cara kasih AGAPE dijelaskan. Paulus, orang yang menulis ayat Alkitab ini, telah menulis satu surat kepada gereja di Korintus semasa gereja itu masih baru. Gereja memiliki banyak pemberian-pemberian rohani. Ada yang boleh berbicara di dalam banyak bahasa, ada yang memahami secara mendalam ajaran Tuhan, ada juga yang memiliki iman yang sangat teguh sehinggakan mereka boleh melakukan perkara-perkara yang kelihatan mustahil, seperti memindahkan gunung.

Tetapi Paulus mahu supaya gereja itu memahami bahawa kasih Tuhan bukanlah sekadar satu pemberian, perasaan atau tindakan. Pada akhirnya semua pemberian yang baik ini, seperti nubuatan, bahasa lidah, dan pengetahuan, akan berakhir. Kebanyakan perkara yang baik yang kita miliki di dunia ini akan berakhir. Kita tahu akan hakikat ini, bukan? Cuti sekolah akan berakhir. Alat-alat permainan akan rosak. Pakaian menjadi lusuh. Bunga-bunga mekar pada musim bunga dan layu pada musim sejuk. Malah haiwan dan manusia juga akan menjadi tua.

Paulus memberitahu orang Kristian di Korintus untuk memikirkan tentang hal yang tidak akan berakhir. Ada tiga perkara penting yang akan berterusan selama-lamanya. Ia adalah Iman, Pengharapan dan Kasih. Dan teka manakah di antara tiga ini yang dikatakan Paulus sebagai yang terbesar? Anda berjaya menekanya! Kasih! Kasih Tuhan ditunjukkan oleh Yesus apabila Dia mati di kayu salib untuk anda dan saya. Dia telah berjanji untuk datang semula supaya kita boleh bersama-sama dengan-Nya. Apabila kita melihat Yesus muka dengan muka, semua yang ada di dunia ini akan hilang. Tetapi kasih Tuhan untuk selamanya! Kasih Tuhan tidak pernah gagal.

Pembicara mengeluarkan satu kertas hati bersaiz besar yang bertulis "KASIH TIDAK PERNAH GAGAL" dan melekatkannya.

LAGU 4: *GIVE ME LOVE*

BAHAGIAN 5: Kasihi Satu Sama Lain (Pembicara kanak-kanak 4)

Nota: untuk persediaan program ini, sediakan props anda di dalam kotak yang disembunyikan di belakang mimbar. Keluarkannya apabila anda bersedia untuk "menukar pekerjaan"

Saya sudah menyediakan satu permainan untuk kita lakukan. Ia adalah permainan meneka! Saya akan mengenakan kostum dan berlakon melakukan suatu pekerjaan khusus. Anda harus meneka siapakah saya. Sedia? Mari kita mulakan!

Kenakan kostum dan lakukan perbuatan untuk setiap pekerjaan sehingga semua jemaat meneka pekerjaan dengan betul. Antara contoh kostum yang tersenarai adalah seperti berikut:

- *Topi keras dan vest keselamatan – ambil tukul dan pukul tanah (pekerja di tapak pembinaan)*
- *Stetoskop dan jubah putih – minta seorang sukarela yang dipilih lebih awal untuk maju ke depan. Dengar degupan jantungnya dengan stetoskop (doktor)*
- *Lencana dan topi polis – tiup wisel dan angkat tangan seolah-olah sedang mengawal trafik (polis trafik)*
- *Pancing dan topi memancing – berlakon seperti anda sedang membuang pancing. Minta seseorang untuk melemparkan ikan di atas pentas (nelayan)*
- *Topi kebun, kasut but dan sarung tangan – berlakon seperti anda sedang mengorek tanah dengan cangkul atau berlakon seperti anda sedang menaburkan biji benih (tukang kebun)*

Kerja yang bagus semua! Anda dapat meneka kesemua pekerjaan saya dengan betul. Tetapi saya ingin bertanyakan satu soalan …. Bagaimanakah anda mengetahui apakah pekerjaan saya? (biarkan mereka memberi jawaban)

Permainan ini membuatkan saya memikirkan ayat hafalan hari ini. Saya akan membacakannya sekali lagi, dan anda boleh melakukan gerakan tangan bersama-sama dengan saya *(paparkan ayat hafalan dengan gerakan tangan di skrin)*

"Inilah perintah baru yang Kuberikan kepadamu. (buka buku)
Kasihilah satu sama lain. (bentuk hati)
Sebagaimana Aku telah mengasihimu, (tunjuk diri)
Kasihilah sesama sendiri (tunjuk keluar)
Daripada sikapmu yang saling mengasihi itu, (beri 'high five')
Semua orang (bulatan besar)
Akan tahu bahawa kamu murid-Ku. (tunjuk kepala)
Yohanes 13:34, 35

Yesus mengajar sahabat-sahabat-Nya iaitu murid-murid-Nya. Dia bersiap sedia untuk naik ke syurga, dan Dia menginginkan supaya mereka juga bersedia. Dia memberitahu mereka, "…kamu

tidak boleh pergi ke tempat yang akan Kupergi, tetapi apabila Aku sudah pergi Aku menginginkan supaya kamu mengasihi satu sama lain seperti Aku mengasihi kamu. Dengan ini mereka akan mengetahui bahawa kamu adalah murid-murid-Ku."

Di dalam permainan kita tadi, anda mengetahui bahawa saya adalah seorang pekerja di tapak pembinaan, doktor atau nelayan dengan melihat perbuatan saya dan pakaian yang saya kenakan. Apabila kita bertindak seperti Yesus dan mengasihi orang lain seperti Dia mengasihi orang lain, orang-orang dengan mudah mengetahui bahawa kita adalah pengikut-Nya. Apabila orang-orang menemui kita, mereka mungkin akan bertanya, Mengapakah orang ini mudah sekali memaafkan? Mengapakah orang ini membantu walaupun saya tidak layak menerima bantuannya? Apakah yang membuatkan orang ini berbeza? Mengapakah orang ini mengambil peduli dan baik? Mengapakah mereka penuh dengan kasih? Dan kemudian kita boleh katakan, kerana Yesus lebih dahulu mengasihi kita dan kasih AGAPE-Nya adalah untuk semua orang!

Bersama-sama kita juga boleh katakan, YESUS MENGASIHIKU…. SELALU! dan YESUS MENGASIHIMU …. SELALU!

Mari kita berdoa:
Tuhan, kami mahu supaya orang lain mengetahui bahawa kami adalah sahabat Yesus. Bantu kami untuk mengasihi orang lain seperti Yesus mengasihi. Amen.

LAGU 5: *LOVE ONE ANOTHER*

PENUTUP oleh Pemimpin Pelayanan Kanak-Kanak

Program ini boleh disusuli dengan khotbah pendek oleh pastor gereja. Lihat powerpoint (rujuk slaid 5-17) untuk Garis Khotbah Untuk Pendeta. Jika anda memilih untuk mengakhiri progam ini dengan khotbah pendek oleh pendeta, bahagian penutupnya dilakukan oleh seorang atau dua orang kanak-kanak (rujuk slaid 18-20).